

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 OGOS 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

136,923 keluarga miskin tegar direkodkan di Malaysia

136,923 keluarga miskin tegar direkodkan di Malaysia

KUALA LUMPUR – Bilangan miskin tegar di Malaysia adalah 136,923 keluarga, manakala miskin sebanyak 308,699 keluarga setakat 31 Julai lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, angka itu berdasarkan dapatan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

"ICU di Jabatan Perdana Men-

teri juga terbitkan bilangan miskin dan miskin tegar. ICU kutip data ini dengan kerjasama pejabat daerah dan dimurnikan dari semasa ke semasa," katanya pada sidang Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong mengenai perancangan kerajaan untuk membuat pengiraan semula nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Terdahulu, Mustapa berkata, terdapat tiga jenis ukuran miskin di negara ini iaitu miskin mutlak, miskin relatif dan miskin pelbagai dimensi.

Menurutnya, apabila Covid-19 melanda kadar kemiskinan naik daripada 5.6 peratus pada 2019 kepada 8.4 peratus pada 2020, manakala miskin tegar naik dari 0.4 kepada 1 peratus.

Kata beliau, kemiskinan relatif

pula adalah pendapatan keluarga di bawah pendapatan menengah iaitu RM2,500 dan mengikut ukuran itu kadar kemiskinan adalah pada kadar 16.2 peratus.

Tambah beliau, kemiskinan pelbagai dimensi pula berkaitan masyarakat yang tersisih dalam beberapa aspek termasuk pendidikan, kesihatan taraf hidup dan berdasarkan ukuran itu terdapat 80,044 keluarga miskin.

Jelasnya, kajian baharu berhubung kemiskinan yang melibatkan sebanyak 92,000 keluarga sudah bermula sejak Januari lalu dan dijangka berakhir Disember depan.

"Maka (hasil kajian) yang baru ini kita jangka (diperoleh) sekitar hujung Mac atau April tahun depan. Kita mahu tengok pola atau corak perbelanjaan dan pendapatan kerana kesan kos sara hidup naik dan sebagainya," katanya.